

Suruhanjaya diraja JM-8/7/2006 tidak perlu

KUALA LUMPUR 7 Julai - Suruhanjaya diraja tidak akan ditubuhkan bagi menyasat dakwaan bekas pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli bahawa beliau dipaksa mengambil alih kepentingan kerajaan dalam syarikat penerbangan itu, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

"Perkara ini ada kaitan dengan kes mahkamah. Saya tidak fikir sebuah suruhanjaya perlu ditubuhkan," katanya.

Tajudin, yang memfailkan saman balas berjumlah RM13 bilion terhadap Dana-harta, kerajaan dan beberapa syarikat serta individu lain, mendakwa beliau dipaksa melaksanakan 'khidmat negara' dengan mengambil alih 32 peratus saham yang dikuasai Bank Negara dalam syarikat penerbangan negara pada RM8 sesaham dalam tahun 1994.

"Sebenarnya, saya tidak sepatutnya bercakap apa yang saya cakapkan semalam (mengenai perkara itu)," kata Najib kepada pemberita selepas melancarkan ulang tahun ke-50 Felda di sini.

Beliau diminta mengulas gesaan Pemimpin Pembangkang, Lim Kit Siang supaya suruhanjaya itu ditubuhkan bagi menyasat dakwaan Tajudin.

Dalam samannya itu, Tajudin mendakwa pihak defendan mengadakan konspiraasi untuk mengambil alih syarikat-syarikatnya dan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri (kini Tun) Dr. Mahathir Mohamad memberikan jaminan bahawa beliau (Tajudin) tidak akan 'kerugian' dalam perjanjian itu.

Tajudin mengambil pinjaman peribadi RM1.8 bilion bagi membiayai pembelian saham itu dan mengikrarkan syarikatnya, Naluri and Technology Resources Industries (TRI), sebagai cagaran.

Selepas krisis kewangan Asia 1997, Dana-harta, agensi penstrukturan semula hutang, mengambil alih syarikatnya yang dibebani hutang manakala Celcom yang dimiliki TRI pula digabungkan dengan Telekom Malaysia.

Kerajaan kemudian membeli semula saham Tajudin dalam MAS pada RM8 sesaham, sungguhpun harga pasaran di sekitar RM3.60.